1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian berikut:

- 1.5.1 Adakah Instrumen Provokatif Operatif (PO) ini berkesan dalam menerbitkan idea?
- 1.5.2 Bagaimana ciri-ciri dan perbezaan idea yang terbit selepas menggunakan instrumen Provokatif Operatif (PO) ke atas dua kumpulan penggiat seni visual.
- 1.5.3 Bagaimana Instrumen Provokatif Operatif (PO) ini boleh diguna pakai sebagai teknik alternatif kepada penggiat seni visual.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini secara khususnya dianggap penting untuk melihat kesan dan kegunaan Instrumen Provokatif Operatif (PO) dalam menerbitkan idea kalangan pelajar seni mahupun seniman muda. Pada umumnya kajian ini bersifat mendalami satu teknik penerbitan idea untuk menerbit idea-idea yang bersifat kreatif.

Pengkaji berpendapat adalah sangat tepat pada masanya untuk mengkaji teknik-teknik yang diguna pakai luar dari bidang seni visual seperti bidang perniagaan. Pada pandangan pengkaji, teknik-teknik yang diguna pakai oleh ahli-ahli perniagaan ini boleh disesuaikan dan dikongsi

untuk manfaat bersama. Kreativiti bukan hanya melibatkan seni tetapi juga pada semua *profession*.

Pengkaji juga berpendapat Instrumen Provokatif Operatif (PO) ini sangat berguna sebagai satu medium pengajaran dan pembelajaran yang efektif yang bertindak sebagai penyelesaian terhadap masalah yang biasa berlaku kalangan pelajar seni dan seniman muda untuk menerbitkan idea dalam menghasilkan karya seni yang baik.

Bahan-bahan serta data-data yang diperolehi daripada kajian ini bukan sahaja berguna pada institusi-institusi pengajian seni tetapi boleh dipraktikkan secara individu mahupun kumpulan untuk menerbitkan idea-idea yang kreatif. Pengkaji berharap, secara tidak langsung kajian ini dapat membantu pelajar-pelajar mahupun seniman-seniman muda yang baru berkecimpung dalam dunia seni untuk menggunakannya sebagai teknik alternatif menerbitkan idea-idea kreatif seterusnya menghasilkan karya seni yang bermutu tinggi.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu pada proses menerbitkan idea. Idea-idea kreatif ini seterusnya digunakan untuk menghasilkan karya seni kalangan pelajar seni visual mahupun seniman muda.

Proses menerbitkan idea ini tertumpu kepada teknik yang terkandung di dalam *Lateral Thinking* yang dipopularkan oleh Dr. Edward de Bono iaitu Instrumen Provokatif Operasional (PO).

Instrumen ini terbahagi kepada dua jenis iaitu PO1 (intermediate impossible) dan PO2 (random juxtaposition/random entry).

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Kreativiti

Apa itu kreativiti?. Satu soalan yang mudah tetapi sukar untuk diperjelaskan. Allah adalah Pencipta yang maha kreatif kerana Ia mencipta segala-galanya. Ini termasuklah mencipta manusia sebagai hambaNYA. Penciptaan manusia menandakan kekuasaanNYA sebagai pencipta dan bersifat maha kreatif di dalam penciptaanNya. Menurut Hassan (1991) dalam Mohd. Azhar (2001, hlm. 249):

“Kreativiti merupakan antara sifat-sifat Allah s.w.t yang berjumlah 99 dan terdapat beberapa sifat yang erat kaitannya dengan daya cipta. Iaitu Maha Mengadakan (al-Khaliq), Maha Membentuk (al-Musawwir) dan Maha Mengadakan (al-Mubdi)...”

Sesungguhnya kreativiti merupakan sifat Allah S.W.T yang berjumlah 99 (Mohd. Azhar, 2006).

Dalam Al-Quran banyak dinyatakan sifat-sifat Allah antaranya:

“Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan menjadi rezeki untukmu; dan Dialah menundukkan bahtera bagimu supaya bahtera itu berlayar di lautan dengan kehendak-Nya; dan Dia telah menundukkan (pula) bagimu sungai-sungai. Dia telah menundukkan (pula) bagimu matahari dan bulan yang terus menerus beredar (pada orbitnya); dan telah menundukkan bagimu malam dan siang. Dia telah memberikan kepadamu (keperluanmu) daripada segala apa yang kamu mohon daripada-Nya. Jika kamu menghitung nikmat Allah tidaklah kamu dapat menghitung (mengiranya). Sesungguhnya manusia itu, sangat zalim dan mengingkari (nikmat Allah).”

“ Itulah Tuhanmu. Tiada Tuhan kecuali Dia. Pencipta segala sesuatu. Dialah pengurus segala sesuatu.” (Surah Al-An’am; 102)

“Bukankah yang menciptakan langit dan bumi sanggup mencipta seperti itu? Dialah Maha Pencipta dan Maha Mengetahui.”

(Surah Yassin: 81)

“ Pencipta langit dan bumi. Bagaimanakah boleh dia beranak? Padahal Dia tidak beristeri. Dan Dia mencipta segala sesuatu dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.”

(Surah Al-An'am: 101)


“Dialah yang menggambarkanmu di dalam rahim sebagaimana Dia kehendaki. Tiada Tuhan kecuali Dia yang Maha Mulia dan Bijaksana.”

(Surah Ali 'Imran: 6)

Kepercayaan mengikut perspektif Islam tentang penciptaan oleh Tuhan, turut disokong oleh John (2002) dalam Mohd. Azhar (2006) yang mengatakan:

“Only God could create, and whatever he created was original. Man could only rearrange what God had created.”

Ayat-ayat al-Quran ini, sudah cukup jelas menggambarkan kreativiti itu adalah hak mutlak Allah sebagai tanda kebesaran dan kehebatannya sebagai pencipta. Kreativiti pencipta dan hambanya tidak boleh sama sekali disamakan ini kerana Allah adalah mencipta daripada tiada kepada ada. Kreativiti manusia pula merujuk kepada campur tangan atas hasil daripada ciptaan Allah.



Rajah 2.1 Konsep Kreativiti Antara Pencipta dan Hambanya (ubahsuai dari Mohd Azhar, 2006.)

Sebagai hambaNYA manusia juga mempunyai daya kreativiti. Ini kerana elemen kreativiti telah dibekalkan oleh Pencipta kepada hambanya adalah sebagai bekalan kehidupan manusia dalam meneruskan kelangsungan hidup di muka bumi ini. Muhammad Mokhtar (2009) mengatakan:

*“Kita ketahui setiap manusia ‘mewarisi’ sifat-sifat Tuhan sebagai bekal hidup di dunia ini. Antaranya adalah sifat-sifat yang ada dalam **asmaul husna** seperti al-Khaliq (yang maha mencipta) manusia mempunyai sifat mampu mencipta sesuatu, **al-Qayyum** (yang maha tegar dan mandiri), manusia mempunyai sifat tegar dan mandiri dalam menghadapi sesuatu. Begitu juga dengan sifat-sifat*

yang lain. Oleh itu, sekiranya semua sifat dapat dikembangkan dengan baik, tentu manusia mampu menghasilkan kreativiti dan karya yang luar biasa.”

Dalam pada itu, menurut Ainon dan Abdullah (1994), *“Sebilangan tokoh kreativiti percaya bahawa semua orang kreatif...”* pernyataan ini sudah mengimbangi diantara kepercayaan Islam (seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran) dan kajian saintifik bahawa kemampuan kreativiti memang sudah ada dalam diri manusia. Sekaligus membenarkan sifat Tuhan yang Maha Mengasihani; untuk manusia meneruskan kelangsungan hidup di muka bumi.

Banyak penemuan-penemuan idea-idea kreatif berlaku pada tokoh-tokoh dunia dalam keadaan yang tidak terduga dan secara tidak langsung sama sekali. Ini membuktikan kreativiti sentiasa berlaku dalam kehidupan seharian manusia. Menurut Tut Sayogya (2010), *“Albert Eistein penemu realitiviti $E=mc^2$ secara tiba-tiba telah mendapat idea ketika sedang mencukur misai. Kreativiti memang memerlukan ruang bagi perkembangan imaginasi, untuk menemui idea-idea segar. Para genius dalam bidang ilmu apapun, majoriti menemui idea ketika mereka dalam keadaan sedar (in-trance state)”*.

Pernyataan bahawa idea yang lahir adalah bermula daripada perkara yang tidak terduga inilah yang sebenarnya menjadi intipati kaedah pemikiran kreativiti dalam kajian ini. Penjanaan idea melalui proses yang tidak disengajakan iaitu menggunakan kaedah pemikiran lateral. Berkenaan intipati penjanaan idea kreatif ini, menurut Edward de Bono (2002), sesuatu idea kreatif adalah muncul secara kebetulan, hasil “kemalangan”, atau “kesilapan” sebenarnya dihasilkan oleh provokasi. Beliau memberi contoh penciptaan antibiotik, penemuan kortisol, kaedah pengimunan Pasteur dengan menggunakan agen virus yang lemah, penciptaan bahan nilon, sinaran X-ray, filem fotografi, dan sebagainya.

Kita selalu mengatakan kreativiti adalah berkait dengan bidang kesenian. Hakikatnya kreativiti bukan seperti yang kita gambarkan. Adakah seorang saintis itu tidak kreatif? Jawabannya adalah tidak! Bidang sains pun tidak terlepas dalam menggunakan kreativiti dalam menghasilkan penemuan-penemuan baru dan pernyataan ini dapat disokong oleh kenyataan yang telah dibuat oleh Canby (1980) dalam Mohd. Azhar (2001, hlm. 249) yang menyatakan:

“...kegiatan kreativiti sains dan teknologi telah pun bermula sejak 30,000 tahun yang lampau.”

Kreativiti merupakan gaya hidup manusia dalam semua bidang. Menurut Mohd Azhar (2006), kreatif sebagai gaya hidup merupakan satu konsep yang dominan dalam pemikiran kreatif. Tambahnya lagi, umumnya manusia bergerak dan bertindak balas terhadap ransangan persekitarannya secara kreatif. Kreativiti merupakan elemen yang penting dalam semua aspek kehidupan manusia.

Sementara itu, Reid and Petocz (2004) dalam Jose G.Gomez (2007) ada menyatakan:

“...creativity is viewed in different ways in different disciplines: in education it is called “innovation”; in business “entrepreneurship”; in mathematics it is sometimes equated with “problem-solving”, and in music it is “performance or composition”. A creative product in different domains is measured against the norms of that domain, its own rules, approaches and conceptions of creativity”.

Pernyataan yang dikemukakan oleh Jose G.Gomez ini adalah jawapan kepada mereka yang menganggap bahawa kreativiti adalah milik bidang tertentu sahaja. Ternyata semua bidang mempunyai kaitan dengan kreativiti tetapi yang membezakan adalah mengikut perspektif bidang masing-masing.

Sementara itu Tut Sayogya (2010), juga berkata, “...*pengembangan kreativiti diperlukan oleh sesiapa pun, tanpa berdasarkan kepada ‘bakat atau tidak berbakat’. Jika ingin menjadi orang yang hebat, kreativiti sangat diperlukan oleh sesiapa pun*”.

Kebanyakan masyarakat tidak mengambil berat tentang hal-hal kreativiti. Mereka tidak serius memandang fungsi kreativiti sebagai penggerak tamadun kejayaan sesebuah negara. Yang pastinya seperti yang diterangkan di atas, kreativiti adalah faktor terpenting kepada perkembangan tamadun yang ada pada hari ini.

Pernyataan ini selari dengan kata-kata Edward de Bono (2002) yang menyatakan, “*Anehnya kita amat kurang menekankan kreativiti dalam budaya kita meskipun sebahagian besar kemajuan manusia tercapai hasil daripada kreativiti manusia*”. kebanyakan kepada kita lebih meneken kepada pemikiran berlandaskan kemahiran logik semata-mata dan mengabaikan pemikiran kreatif.

Sebagai contoh Munir Shuib (2007) dalam Amer Shakir et al. (2008) kelemahan kemahiran berfikir dan analitik telah menyebabkan 37,000 graduan dari institusi pengajian tinggi susah untuk mendapatkan kerja selepas tamat dari pengajian.

Statistik ini menunjukkan betapa bidang kreativiti (kemahiran berfikir) sangat diperlukan seterusnya selari dengan dasar pembangunan negara menuju ke arah negara maju bermatlamatkan wawasan 2020.

Dalam pada itu, kreativiti pada pandangan Edward de Bono (1993) dalam Mohd. Yusof (2007) lagi adalah, “*One is competence which is doing things efficiently at a low cost and high quality. In order to achive that, we may need creativity to find better and simpler ways of doing things.*

The second use of creativity is to do different things like developing new product, services or markets. There are the two main uses of creativity to be better at what you are doing and find new opportunities.”

Pernyataan Edward de Bono ini adalah contoh kreativiti digunakan dalam bidang perniagaan. Kreatif pada Edward de Bono adalah melihat sesuatu perkara dalam sudut pandangan yang berbeza dari sebelum ini.

Ini bermakna kreativiti bukan milik eksklusif dalam bidang kesenian sahaja tetapi hak milik semua dalam semua bidang. Walau bagaimanapun kreativiti mempunyai sudut tanggapan yang berbeza antara satu disiplin dengan disiplin yang lain. Sebagai contoh kreativiti didalam bidang kesenian lebih menekankan kepada kreativiti menghasilkan karya yang bersifat kontemporari dengan konteks semasa, manakala bidang pendidikan pula, kreativiti diukur berdasarkan kaedah pengajaran yang bersifat baru.

Kreativiti tidak terbatas pada aktiviti seni sahaja, dalam erti kata lain: semua profesion memerlukan kreativiti – agar mampu menjadi seseorang yang unggul (Tut Sayogya, 2010).

Apabila berbicara mengenai kreativiti; sudah pastinya persoalan sejak bilakah kreativiti itu wujud? Adakah kreativiti itu penting dalam membina tamadun manusia? Selalu bermain dalam minda. Adakah jawapannya seperti yang ditulis sebelum ini; kreativiti adalah hak sang pencipta iaitu Allah S.W.T yang mengurniakan kepada manusia sebagai bekalan dalam kehidupan sementara ini.

“Kreativiti bukanlah suatu perkara yang baru kerana kreativiti telah bermula sejak manusia pertama dijadikan Allah s.w.t iaitu Adam a,s selepas itu, ia terus bergerak dan menjana pemikiran manusia dalam membentuk rentetan sejarah dan tamadun hidup di barat dan timur dalam pelbagai bidang

kehidupan seperti ekonomi, politik dan sosiobudaya daripada yang bercorak kuno-klasik hinggalah pascamoden.

(Mohd. Azhar, 2001)

Kreativiti juga bukan hanya melibatkan kepada penciptaan dan penjanaan sesuatu idea sahaja, bahkan kreativiti adalah lebih daripada itu. Menurut Mohd Azhar (2003) sebenarnya kreativiti adalah lambang mental dan psikologi yang sihat. Kreativiti berhubung kait dengan keseluruhan daripada konsep keharmonian, kejujuran, keikhlasan, penglibatan personal, semangat, ketinggian motivasi dan tindakan.

Kreativiti merupakan pemangkin kepada kejayaan sesebuah negara. Tanpa kreativiti kejayaan sudah pasti sukar untuk diraih. Kreativiti juga disifatkan sebagai sumber inspirasi dalam membina tamadun masyarakat dan Negara. Untuk itu penekanan aktiviti kreativiti di Malaysia sangat jelas kelihatan ketika era pentadbiran Perdana Menteri ke-4 Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad lagi.

Sebagai contohnya Tun Dr. Mahathir, memberi penumpuan terhadap industri permotoran sehingga lahir kereta nasional pertama Malaysia iaitu Proton Saga pada tahun 1983. Selain daripada itu juga, Tun Dr. Mahathir turut memperkenalkan visi negara Malaysia iaitu Wawasan 2020.

Mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini Yong (1993) dalam Amer Shakir et al. (2008) menyatakan, *“In the Malaysian context, sensitivity in organizations towards creativity should be developed and companies in Malaysia must provide the conducive environment that can encourage the exercising and practicing of creativity in the workplace”*.

Jelas sekali, keperluan untuk membentuk masyarakat yang kreatif, persekitaran yang kondusif mesti dititikberatkan, seterusnya merangsang budaya kreatif di tempat kerja.

Pendapat ini selari dengan kenyataan Md. Nasir Ibrahim dan Prof. Madya Iberahim Hassan (2003) yang menyatakan:

“Kreativiti penting kepada generasi sekarang dan adalah unsur yang diberi penekanan dalam mencapai matlamat Wawasan 2020.”

Dr. Mahathir (2002) dalam Mohd. Yusof (2007) ketika melancarkan *Wings of creativity* pernah mengatakan bahawa:

“The greatest asset of any nation is the creativity of its people.”

Atas dasar kepentingan kreativiti dan tanggungjawab kerajaan terhadap masyarakat terutamanya di Malaysia; di bawah kementerian pendidikan Malaysia telah mengambil langkah drastik pada tahun 90-an memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK) di sekolah untuk menmpakkan usaha melahirkan generasi yang berdaya cipta tinggi dan berwawasan (Solihin Osman, 2004).

Untuk melahirkan generasi yang mempunyai nilai-nilai kreativiti, pelbagai cara boleh dilakukan dalam mengembangkan bakat kreativiti dalam setiap diri individu. Penghalang kepada proses pengembangan kreativiti ini, adalah berpunca daripada paradigma corak pemikiran masyarakat itu sendiri. Antara paradigma corak pemikiran masyarakat menurut Tut Sayogya (2010) adalah seperti:

1. Kreativiti sebagai bakat turun temurun, sehingga tidak mampu dipelajari oleh anak daripada ibu bapa yang tidak berbakat. Jawapannya adalah: Tidak benar! Setiap orang memiliki Kecerdasan Visual-Ruang dalam otak kanannya (rujuk teori otak di bab berikutnya).
2. Orang yang kreatif dianggap ‘lebih bodoh’ berbanding dengan orang yang tidak kreatif. Orang yang tidak kreatif dianggap lebih mahir di bidang matematik dan sains. Jawapannya adalah: salah! Contoh: Leonardo Da Vinci, pencipta lukisan Mona Lisa dan benda di luar seni rupa, seperti kipas, helicopter dan lain-lain. Beerti, da Vinci memahami ilmu yang dikendalikan oleh otak kirinya secara sempurna.

3. Matematik adalah modal utama orang yang boleh hidup layak, kaya, berpangkat dan dihargai. Ramai orang yang berjaya bermodalkan bahasa, muzik, seni dan lain-lain. Kejayaan demi kekayaan dapat dicapai oleh orang-orang yang kreatif: The Beatles, Beyonce Knowles, Titik Puspa, Tukul Arwana dan lain-lain.
4. Orang kreatif kebiasaannya miskin, tidak kemas, ganjil dan tiada masa depan. Jawapannya: tidak benar! Ramai seniman yang berjaya, bersih, rapid an tidak ganjil. Kreativiti tidak hanya dalam menghasilkan hasil seni rupa, muzik- tetapi boleh berlaku dalam bentuk kreativiti dalam membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan lain-lain. Pemilik Microsoft, Bill Gates merupakan seorang yang kreatif di zaman moden.
5. Sehingga kini, ibu bapa menginginkan purata anak-anak yang ber-IQ. Pemerintah memulakannya melalui kedudukan, agar tercipta siswa yang unggul (1-10) dan siswa di luar kedudukan. Jelas salah. IQ hanya diperlukan oleh seseorang ketika masih dalam pendidikan, bukan sebagai modal berkerjaya. Dukungan IQ pada kejayaan seseorang hanya 20%, selebihnya 80% didukung oleh EQ (kecerdasan emosional).

Apa yang digariskan oleh Tut Sayogya ini adalah paradigma corak pemikiran masyarakat Indonesia, tetapi keadaan masyarakat Indonesia dan Malaysia tidak jauh berbeza. Sebagai contohnya kejayaan seniman Malaysia; memperolehi jutaan ringgit daripada kerja seni (mengadakan pameran lukisan solo) iaitu seniman Latiff Mohidin.

Secara keseluruhan, jelas sekali elemen kreativiti di dalam pelbagai bidang sebenarnya memainkan peranan yang sangat penting di dalam semua bidang sebagai contohnya dalam pembinaan Negara, masyarakat ataupun dunia. Ini membuktikan kreativiti adalah anugerah yang tidak ternilai dari Allah kepada hambanya sejak penciptaan bumi lagi.

“...sebahagian besar kemajuan manusia tercapai hasil daripada kreativiti manusia.”

(de Bono, 2002)

2.1.1 Definisi Kreativiti

Antara definisi kreativiti yang diberikan adalah seperti berikut:

“...creativity, achievement motivation, and emotion control ability play a more important role than intelligence”

Terman (1925)

“Kreativiti ialah proses yang dilakukan oleh seseorang yang menyebabkan ia mencipta sesuatu yang baru baginya”

(Mead, 1959)

“...kebolehan berkaitan dengan kefasihan, kelenturan dan keaslian”

(Ennis, 1962)

“...keupayaan untuk menghasilkan sesuatu yang baru dan bernilai, samada bersifat mautud atau tidak”

(Gilschirst, 1972)

“Kreativiti atau pemikiran kreatif ialah mewujudkan sesuatu yang bersifat baru”

(Kamus webster’s, 1976)

“...kebolehan membina kombinasi ide-idea bagi memenuhi keperluan”

(Halpern, 1984)

“...menghasilkan sesuatu yang kreatif...”

(Perkins, 1984)

“Creativity is an individual's ability to produce appropriate and novel things”

(Hennessey and Amabile, 1988; Ochse, 1990)

“Kreativiti itu ialah kebolehan mewujudkan sesuatu yang baru sama sekali”

(Mohd. Azhar, 2001)

“Kepintaran kreatif ialah keupayaan mengubah idea dan persepsi”

(Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 1994)

“Creativity is, in my view, something that is impossible to define in words”

(Bohm, 1998)

“Kreativiti melibatkan potensi intelektual yang tinggi, yang melibatkan keupayaan menggunakan daya imaginasi, kekuatan mental bagi mengkonseptualisasikan sesuatu idea sehingga menghasilkan sesuatu reka cipta yang mengagumkan”

(Abd. Rahim, 1999)

“Kemampuan mencipta, daya kreatif dan kekreatifan”

(Kamus Dewan, 2002)

“Kreativiti didefinisikan sebagai kualiti-kualiti yang membolehkan seseorang berimaginasi dan mencetuskan banyak idea”

(Mohd. Azhar, 2004)

“...kreativiti adalah sumbangan kepada perkara-perkara serta hasil baru di dalam budaya”

(Csikszentmihalyi, 2003)

“...unik dan berguna”

(Sternberg & Lubart, 2003)

“Keupayaan untuk menghasilkan idea yang bersifat baru, asli dan bermutu”

(Solihin Osman, 2004)

“Kreativiti adalah pengembangan pertumbuhan manusia, pemahaman diri, dan perubahan atau pemulihan corak pemikiran seseorang”

(Tut Sayogya, 2010)

Berdasarkan kepada beberapa definisi yang telah diberikan; kreativiti adalah sesuatu idea bersifat baru yang melibatkan keupayaan mengubah, membina dan mencetuskan banyak idea.

2.1.2 Kreativiti Dalam Seni (seni visual)

“Insan seni yang sejati ialah mereka yang dapat melahirkan suatu realiti baru”

Ungkapan Plato di atas sudah cukup kuat untuk menggambarkan bahawa seniman itu sendiri adalah mereka yang kreatif.

Apabila berbicara mengenai bidang kesenian; sudah pastinya bidang seni merupakan salah satu cabang bidang yang memerlukan elemen kreatif dalam penciptaan produk kesenian. John (1997) dalam bukunya yang bertajuk Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan amalan, mengatakan penghasilan karya seni seperti lukisan, sajak dan iklan yang inovatif adalah hasil daripada pemikiran kreatif. Melalui pemikiran kreatif inilah yang dapat menjana idea-idea baru. Kata-kata ini sangat jelas dan terbukti bahawa elemen kreativiti dan pemikiran kreatif sangat berkait rapat dengan bidang seni (seni visual).

Seni merangkumi pelbagai bidang jenis. Masyarakat Malaysia khususnya apabila ditanya mengenai seni; akan mengaitkan dengan seni lakon, seni tarian, dan seni nyayian. Bidang seni bukan hanya terdiri daripada tiga jenis yang disebutkan tadi, tetapi lebih dari itu. Mohd. Isa (1977) mengatakan bidang seni merangkumi pelbagai kelompok. Antaranya adalah:

1. Seni Lukis
2. Seni Ukir
3. Seni Muzik
4. Seni Drama
5. Seni Foto
6. Seni Grafik
7. Seni Bina
8. Seni Catan
9. Seni Perusahaan
10. Seni Tari

11. Seni Pidato
12. Seni Silat
13. Seni Syair (puisi dan prosa)
14. Seni Sastera
15. Seni Suci (sacred)

Berdasarkan kepada senarai di atas, nyata sekali bidang kesenian ini merangkumi bidang yang sangat luas.

Individu-individu yang terlibat dalam bidang kesenian ini digelar dalam pelbagai gelaran berdasarkan pecahan-pecahan bidang seni tersebut. Contoh gelaran-gelaran ini adalah seperti berikut:

1. Pelukis (seni lukis dan seni catan)
2. Pengkarya (seni lukis, seni catan dan seni drama)
3. Seniman (seni lukis, seni catan, seni muzik dan seni drama)
4. Artis (seni muzik, seni drama, seni lukis dan seni catan)
5. Arkitek (seni bina)
6. Ahli perniagaan (seni perusahaan)
7. Dan lain-lain lagi

Gelaran seniman sebagai contohnya dalam Kamus Dewan Bahasa (2002) mendefinisikan sebagai, 1; orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya itu. 2; bintang filem (lelaki) yang telah lama melibatkan diri dalam perfileman dan telah mencapai tahap tertentu.

Jika ditinjau kepada makna yang diberikan diatas; istilah seniman ini terbahagi kepada dua kategori secara umum. Pertama seniman merujuk kepada individu yang mempunyai bakat seni yang mencipta hasil seni dan memperagakan hasil seni tersebut. Dalam definisi pertama ini, sangat jelas ungkapan seniman boleh diguna pakai untuk kedua-dua jantina samada lelaki mahupun perempuan. Tetapi gelaran ini hanya terhad dalam bidang seni lukis sahaja.

Berbeda dalam seni lakon, gelaran seniman hanya bersesuaian untuk digelar pelakon lelaki sahaja. Gelaran ini diberikan kepada individu-individu yang mempunyai kemahiran kreatif dalam bidang seni drama (bidang seni).

Seniman menurut Ahmad Sadali (1981), adalah selalu memiliki keinginan untuk membentuk dan selalu ingin berada dalam kegiatan kreatif. Jika dilihat dari pernyataan tersebut ternyata hubungan antara kreativiti dan seniman (bidang seni lukis) merupakan satu ikatan yang penting di dalam menghasilkan hasil seni yang kreatif.

Individu-individu yang terlibat dengan seni adalah mereka yang bekerja dengan potensi kreativiti dalam diri. Elemen kreativiti memang diperlukan bagi insan seni terutamanya mereka dalam bidang seni visual (seniman seni visual). Kreativiti seniman seni visual adalah mencipta imej-imej visual yang bertitik tolak dari idea; menggambarkan dan menterjemahkan dalam bentuk visual. Kebolehan ini dikenali sebagai darjah kecerdasan spatial. Darjah kecerdasan spatial ini merupakan salah satu dari tujuh kebolehan yang berbeza hasil kajian oleh Dr. Gardner.

Abdul Fatah (1994) menambah, *“Darjah kecerdasan spatial ialah kebolehan seseorang mencipta benda di alam ini dan melahirkan gambaran itu dalam minda atau dalam bentuk yang nyata dan konkrit. Darjah kecerdasan boleh dipertingkatkan...”*

Abdul Fatah menambah, terdapat beberapa kemahiran untuk meningkatkan kecerdasan spatial iaitu:

1. Penggambaran cara
2. Persepsi visual
3. Peta minda dan gambarajah
4. Kreatif dan estetik